

19 JAN 2001

PENUNTUT JEPUN BERUSAHA GIGIH MENGUASAI BAHASA INGGERIS

Oleh: Arul Rajoo

OSAKA, JEPUN, 19 Jan (Bernama) -- Walaupun telah menguasai aspek teknologi, para penuntut Jepun terus berusaha gigih untuk menguasai bahasa Inggeris bagi memperolehi kemahiran yang perlu dalam era teknologi maklumat.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata demikian semasa melawat Jabatan Maklumat-Media Universiti Elektro-Komunikasi Osaka di sini.

Semasa lawatan itu, Dr Mahathir yang diiringi oleh isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali memerhatikan para penuntut menggunakan komputer untuk melakukan animasi dan menanya mereka pelbagai soalan.

"Adakah perlu untuk belajar bahasa Inggeris untuk menguasai kemahiran dalam IT," tanya Dr Mahathir kepada salah seorang penuntut.

"Sudah pasti, saya rasa kita perlukan bahasa Inggeris untuk mengendalikan komunikasi multimedia," kata Shimizu Manabu, 25, yang memiliki ijazah kejuruteraan.

Perdana Menteri yang tiba di sini semalam bagi lawatan kerja empat hari juga menjawab beberapa soalan daripada penuntut, termasuk pendapat beliau mengenai penggunaan komputer teknologi tinggi dalam bilik darjah.

"Saya belum melihat sesuatu seperti itu di Malaysia tetapi saya agak yakin kita juga mempunyainya. Kami juga boleh belajar beberapa aspek daripada anda," katanya.

Mengenai pembangunan IT di Malaysia, Dr Mahathir memberitahu penuntut-penuntut itu mengenai projek Koridor Raya Multimedia (MSC), termasuk penubuhan Universiti Multimedia di Cyberjaya dan pelaburan oleh syarikat-syarikat asing dan tempatan dalam IT.

Semasa lawatan itu, Dr Mahathir yang diberi taklimat oleh Dr Kuniya Fukuda, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti itu juga melawat studio yang digunakan oleh para penuntut untuk menerbitkan program-program.

-- BERNAMA

AR AHH PR